



**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN LAMAN PADI SERTA PELANCARAN  
LOGO SMART SBB, APLIKASI *RICE INFORMATION MANAGEMENT  
SYSTEM (RIMS)*, LADANG'57 BERAS WANGI HORECA DAN 3FR  
SOP MANUAL**

**SEMPENA**

**PROGRAM *MALAYSIA AGRICULTURE, HORTICULTURE AND  
AGROTOURISM (MAHA) 2022***

**PADA**

**7 OGOS 2022 (AHAD)**

**JAM 10 PAGI**

**BERTEMPAT DI**

**LAMAN PADI, MAEPS SERDANG**

***SALUTASI FINAL RUJUK DI LAPANG***

Salam Sejahtera dan Salam Bulan Kemerdekaan.

**YANG BERTAMBAH HORMAT DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH**

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1

**YANG BERTAMBAH HORMAT DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH**

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 2

**YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

**YANG BERTAMBAH HORMAT DATUK BADRUL HISHAM BIN MOHD**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), MAFI

**YANG BERTAMBAH HORMAT PUAN AZAH HANIM BINTI AHMAD**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MAFI

**YANG BERTAMBAH HORMAT ENCIK AZMAN BIN MAHMOOD**

Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi

Merangkap Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras

Ketua-ketua Pengarah Jabatan/ Agensi Negeri dan Persekutuan;

Pegawai-pegawai kanan Kementerian;

Ketua Eksekutif Syarikat, Pengarah Urusan

wakil-wakil Jabatan, agensi dan syarikat;

Rakan-rakan media; dan

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

1. Pertamanya, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat kita sama-sama hadir di **Majlis Perasmian Laman Padi sempena Program Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism (MAHA) 2022.**
2. Terima kasih kepada pihak penganjur majlis, sekalung tahniah dan syabas jua kepada Jawatankuasa penganjur yang telah memainkan peranan penting bagi menjayakan majlis pada pagi ini.
3. Di majlis ini jua, kita akan sama-sama menyaksikan **Majlis Perasmian Laman Padi, Pelancaran Logo Smart SBB, Aplikasi Rice Information Management System (RIMS), Ladang'57 Beras Wangi HoReCa dan 3FR SOP Manual.**

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Meskipun negara berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam pembangunan subsektor padi, pengeluaran beras negara terus kekal stabil. **Sejajar dengan hasrat kerajaan melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)** untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi negara, MAFI telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan produktiviti hasil padi dan pendapatan para pesawah.
5. Antaranya, **Program SMART Sawah Berskala Besar atau SMART SBB** yang merupakan hala tuju baharu bagi industri padi dan beras negara dan dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara pihak Kerajaan melalui MAFI dan pihak swasta.
6. Untuk rekod, sejak diperkenalkan pada Februari 2021, **program SMART SBB telah berjaya dilaksanakan di sembilan (9) buah negeri dengan penglibatan sebanyak 24 syarikat peneraju** yang terdiri daripada Badan Berkaitan Kerajaan (GLC) dan juga pihak swasta. Sehingga kini, pelaksanaan program ini telah melibatkan **hampir 5,000 orang pesawah dengan keluasan melebihi 11,000 hektar.**
7. Dari segi prestasi pelaksanaan, program SMART SBB telah terbukti dapat meningkatkan purata hasil padi sehektar di kawasan-kawasan terlibat. Sebagai contoh di Sekinchan, Selangor, kawasan padi seluas lebih 100 hektar telah berjaya meningkatkan purata hasil **hampir 4 kali ganda iaitu daripada 2.5 tan metrik sehektar kepada 8 hingga 10 tan metrik sehektar.**
8. Selain itu, kejayaan program SMART SBB telah dimanifestasikan dalam penghasilan produk baru oleh syarikat peneraju yang terlibat. **Produk baru berasaskan varieti beras istimewa iaitu Ladang'57 Beras Wangi HoReCa merupakan hasil ladang SMART SBB** yang dihasilkan oleh peserta program di Seberang Perak, Perak dan Barat Laut, Selangor yang diselia oleh Syarikat peneraju FGV.

9. Kejayaan dan pencapaian ini menjadi mercu tanda bahawa program SMART SBB berjaya meningkatkan hasil serta pendapatan dan taraf hidup pesawah.
10. Melangkah ke hadapan, pada hari ini kita juga akan **menyaksikan pertukaran dokumen MOU SMART SBB antara MAFI dan tiga (3) lagi syarikat peneraju iaitu Syarikat Mastani Sdn. Bhd., Konsortium Padi dan Beras Rakyat Sdn. Bhd. dan Syarikat Qudsi Global Sdn. Bhd.** Diharapkan, lebih banyak syarikat swasta akan menyertai program SMART SBB ini bagi terus menjayakan matlamat yang disasarkan oleh Kerajaan iaitu tahap sara diri (SSL) beras kepada 75 peratus menjelang tahun 2025.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Seiring dengan perubahan zaman dan teknologi semasa, subsektor padi jua tidak terkecuali berhadapan menangani cabaran bukan sahaja dari segi kaedah penanaman, pengurusan tanaman malahan dari aspek konsep pelaksanaan.
12. Dalam hal ini, bagi mendepani cabaran-cabaran subsektor padi, penggunaan peralatan teknologi dalam pengurusan sawah dan mekanisasi ladang sedang diaplikasikan secara meluas dalam sektor pertanian termasuk subsektor padi. Pada hari ini, kita berpeluang menyaksikan **pelancaran Aplikasi Rice Information Management System (RIMS) oleh Syarikat Agrocloud Sdn. Bhd. dengan kerjasama Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut.**
13. Aplikasi RIMS merupakan **satu sistem sokongan keputusan (Decision Support System) digital yang menggunakan teknologi Internet of Things, kecerdasan buatan, data raya (big data), dan teknologi sensor atau satelit** untuk memberikan nasihat masa nyata (*real time*), ramalan, dan preskripsi untuk industri penanaman padi.
14. **Dalam memastikan pengeluaran padi dan beras terus diperkukuhkan,** MAFI sentiasa mengambil langkah proaktif dalam pengurusan benih padi yang lebih efisien termasuk melantik pembekal dan pemborong benih padi yang berkelayakan dan mempunyai keupayaan yang sewajarnya untuk membekal benih padi yang mencukupi.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

15. Seiring dengan evolusi yang sedang berlaku di peringkat global mahupun domestik, **Kerajaan akan terus berusaha untuk melakukan perubahan positif untuk pembangunan industri padi dan beras negara.** Kesemua usaha ini diterjemahkan dalam pelbagai bentuk seperti pameran, lukisan, hasil kerja serta aktiviti yang dianjurkan di Laman Padi sepanjang berlangsungnya MAHA 2022.

16. Sekalung tahniah diucapkan kepada **Bahagian Pembangunan Industri Padi selaku Ketua Jawatankuasa Kecil bagi kluster Agro-Food Padi** serta penglibatan KADA, MADA, IADA, jabatan, agensi dan syarikat-syarikat peneraju seperti syarikat FGV Holdings Berhad dan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dan beberapa syarikat korporat lain yang terlibat dalam membuat persiapan dan penganjuran aktiviti di Laman Padi.
17. Terima kasih sekali lagi kepada wakil jemputan daripada lain-lain Kementerian, jabatan, agensi, syarikat dan wakil pesawah yang turut hadir pada majlis pada hari ini dengan lengkap berpakaian tradisional sempena memeriahkan sambutan bulan kemerdekaan.
18. Adalah menjadi harapan saya supaya semua usaha murni Kerajaan terus diperkasa dan mendapat sokongan semua pihak selari dengan matlamat Kerajaan dalam menjamin sekuriti makanan negara sepanjang masa.
19. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan **Laman Padi 2.0 Sempena MAHA 2022** dan seterusnya melancarkan **Logo SMART SBB, Aplikasi Rice Information Management System (RIMS)** dan **Ladang'57 Beras Wangi HoReCa dan 3FR SOP Manual**.

Sekian, terima kasih.